



Agama bukan pemisah kasih sayang anak

Islam tidak halang pengikut dekati keluarga sendiri walau berbeza kepercayaan kepada Allah

BERTEMU dengan seorang sahabat yang sudah lama tidak bersua ketika menghadiri sambutan Aidilfitri di Nottingham, United Kingdom beberapa hari lalu, mengingatkan penulis kepada kisah hidup beliau yang amat meruntun hati. Selepas memeluk Islam hampir 10 tahun lalu dengan bantuan beberapa sahabat yang prihatin dan sanggup menjaga kebajikan dirinya sehingga hati dan jiwanya teguh dalam itikad Islam dan iman, beliau merantau mencari ilmu ke beberapa negara dengan wang yang dicari sendiri untuk menampung hidup.

Segala-galanya bermula apabila beliau dibuang keluarga kerana menukar agama, tetapi lantaran yakinnya beliau dengan satu-satunya agama yang benar ini, beliau nekad mencari sebuah kehidupan baru, yang tidak bergantung pada sesiapa melainkan Allah SWT. Beliau rela tidak berkeluarga kerana sudah membuat keputusan untuk tidak berganjak dan tetap mempertahankan keimanannya kepada Allah dan Rasul, semata-mata kerana inginkan kehidupan yang sempurna di akhirat kelak. Katanya, hidup di dunia hanya untuk meraih bekal, yang enaknya hanya akan dirasa apabila sampai di alam kekal abadi.

Selepas 10 tahun, penulis berta-



ISLAM mendidik umat bersatu hati dan saling melengkapi.

nya mengenai ibu bapanya yang lama ditinggalkan, mengenai rindunya, perasaannya, adik-beradik dan sanak-saudara, juga handai taulan yang sepermainan ketika zaman kanak-kanak dan remajanya. Sengaja diajukan begitu, kerana penulis ingin menduga adakah beliau masih berjauh hati dengan ibu yang melahirkan, ayah yang membesarkan, meskipun mereka tidak seagama tetapi fitrah manusia inginkan perhatian dan belaian kasih-sayang

darah dagingnya, sekiranya masih ada di dunia.

Sambil menyeka air mata, beliau mula bercerita. Rupanya ibunya lama meninggalkannya, tanpa sempat mereka bersua muka. Itu pun beliau ketahui selepas beberapa tahun ibunya tiada lagi di dunia. Kala ini pula si ayah bertarung dengan penyakit tua, tetapi beliau tetap jauh hati dengan ahli keluarga, sehingga tega menerima apa saja berita tetapi pulang kepada mereka

tidak sesekali, kerana masih menjeruk rasa.

Bukan mudah memujuk hatinya yang sudah sedekad terluka. Namun akhirnya beliau pulang juga mencium tangan ayahanda sebelum Syawal berlalu. Ia bukan penamat kisah yang duka, tetapi permulaan sebuah kehidupan yang bahagia, untuk bersama ayah dan keluarga tercinta ketika mereka masih ada.

Biar apa pun agama mereka, tugas kita semua tetap sama, berbakti dan berbuat baik kepada mereka selagi hayat masih ada. Di dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Asma binti Abu Bakar As-Siddiq berkata: "Sudah datang ibuku dari Makkah menemui aku (di Madinah) sedangkan ia masih dalam keadaan musyrik. Lalu aku minta petunjuk kepada Rasulullah SAW, aku berkata: Sudah datang ibuku dari Makkah menemuiiku dengan penuh harap kepadaku, apakah aku boleh menyambung tali kekeluargaan dengan ibuku? Baginda menjawab: Ya, sambunglah hubungan baik dengan ibumu."

Hari ini, ramai yang memeluk agama Islam tetapi mereka menyembunyikan status agama kerana bimbang dibuang keluarga, tidak kurang juga yang belum bersedia meninggalkan ibu bapa sekiranya mereka tidak dapat me-

nerima hakikat anak mereka berlainan agama. Persepsi bahawa Islam menjauhkan hubungan yang akrab antara ibu bapa dan anak disebabkan akidah yang berbeza juga perlu ditepis agar kesempurnaan agama dapat dihayati seluruhnya. Sebab itulah mereka yang baru menerima hidayah Allah SWT ini perlu cekal menerima ujian yang bakal ditempuhi, sama ada tentangan daripada ibu bapa atau ahli keluarga lain.

Mereka juga harus kuat dan sabar menghadapi cabaran yang mendatang tanpa menyerah kalah dan merajuk sehingga langsung meninggalkan ibu bapa yang pasti suatu hari nanti amat mengharapkan bantuan dan pertolongan anak yang dewasa dan berkeluarga untuk menjaga kebajikan mereka yang sudah tua.

Inilah masanya kita curahkan bakti kepada mereka, buktikan bahawa pegangan agama yang berbeza tidak sedikit pun mengurangkan kasih sayang daripada darah daging yang sama. Bahkan petunjuk agama juga terang dan nyata, berbakti kepada ibu bapa adalah kewajipan setiap anak.

Penulis ialah Pensyarah Kanan Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia